



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN KERANGKA
LITERASI MEMBACA TEKS BAHASA ARAB BERBANTUKAN
TEKNOLOGI AUGMENTASI REALITI (AR) UNTUK MURID
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBK) DI MALAYSIA
DALAM KALANGAN IBUBAPA**

*THE NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF A LITERACY
FRAMEWORK FOR READING ARABIC LANGUAGE TEXTS AIDED BY
AUGMENTED REALITY (AR) TECHNOLOGY FOR SPECIAL NEEDS STUDENTS
(SNSs/MBK) IN MALAYSIA AMONG PARENTS*

Saipolbarin Ramli^{1*}, Mohammad Taufiq Abdul Ghani², Nur Hanim Hassan³

¹ Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

Email: saipolbarin@fbk.upsi.edu.my

² Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my

³ Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

Email: M20202001221@siswa.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.10.2023

Revised date: 13.11.2023

Accepted date: 30.11.2023

Published date: 14.12.2023

To cite this document:

Ramli, S., Abdul Ghani, M. T., & Hassan, N. H. (2023). Analisis Keperluan Pembangunan Kerangka Literasi Membaca Teks Bahasa Arab Berbantuan Teknologi Augmentasi Realiti (AR) Untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat daripada ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas bagi tujuan pembangunan kerangka literasi membaca teks bahasa Arab berbantuan teknologi augmented realiti (AR). Analisis keperluan ini penting bagi menyediakan maklumat yang jelas untuk pembangunan kerangka literasi agar kerangka yang dibangunkan bertepatan dengan keperluan murid dan dapat membantu menyelesaikan sebarang kebarangkalian permasalahan yang wujud. Populasi bagi kajian ini merangkumi ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah di Program Pendidikan Khas (PPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dan Program Inklusif pada peringkat umur 7 hingga 12 tahun. MBK dalam kajian ini hanya tertumpu kepada kategori Murid yang mengalami masalah pembelajaran (slow learner). Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak kluster yang melibatkan lima zon di Malaysia. Protokol temu bual separa struktur digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Data

(MBK) Di Malaysia Dalam Kalangan Ibubapa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 337-349.

DOI: 10.35631/IJEPC.852026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kualitatif yang diperolehi akan dianalisis secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti Terdapat empat tema berkaitan data iaitu (1) keperluan dari aspek prasarana (2) kepakaran dan latihan guru (3) bahan bantu mengajar dan (4) kesesuaian teknologi augmentasi. Analisis data menunjukkan kerangka literasi membaca teks Arab berbantuan teknologi augmentasi diperlukan dengan empat tema yang telah dinyatakan. Selain itu, terdapat cadangan lain dari ibubapa yang boleh digunakan untuk merekabentuk dan membangunkan kerangka literasi membaca ini. Pembangunan kerangka literasi membaca teks bahasa Arab berbantuan teknologi (AR) untuk MBK diharapkan dapat menyediakan suasana yang kondusif untuk persekitaran pembelajaran MBK di Malaysia dan seterusnya dapat bersama-sama membantu pihak berautoriti untuk menyelesaikan masalah keciciran murid-murid berkeperluan pendidikan khas dalam arus pendidikan perdana di Malaysia.

Kata Kunci:

Analisis Keperluan, Pembangunan Kerangka, Literasi Membaca, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Augmentasi Reality

Abstract:

This study aims to obtain feedback and information from parents who have children with special needs for the purpose of developing a literacy framework for reading Arabic texts aided by augmented reality (AR) technology. This needs analysis is important to provide clear information for the development of the literacy framework so that the framework developed meets the needs of the students and can help solve any possible problems that exist. The population for this study comprised of parents who have children attending Special Education Programs (SEPs/PPK), Special Education Integration Programs (SEINs/PPKI), and Inclusive Programs at ages 7 to 12. The SNSs (MBK) in this study were only focused on the category of students who have learning problems (slow learners). This study used a clustered random sampling technique involving five zones in Malaysia. A semi-structured interview protocol was used for data collection purposes. The qualitative data obtained were analyzed thematically using the ATLAS.ti software. There were four data-related themes, namely (1) requirements in the aspect of infrastructure, (2) teachers' expertise and training, (3) teaching aids, and (4) suitability of augmented reality technology. Data analysis showed that a literacy framework for reading Arabic text aided by augmented reality technology is needed with the four themes previously mentioned. In addition, there were other suggestions from parents that can be used to design and develop this reading literacy framework. The development of a literacy framework for reading Arabic texts aided by augmented reality (AR) technology for SNSs is expected to provide a conducive learning environment for SNSs in Malaysia and further assist authorities in solving the dropout problem of students with special education needs in Malaysian mainstream education.

Keywords:

Needs Analysis, Framework Development, Reading Literacy, Special Needs Students, Augmented Reality

Pengenalan

Menurut Akta OKU 685, Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah golongan yang termasuk dalam terminologi Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kategori Masalah Pembelajaran

(Undang undang Malaysia 2008). Data menunjukkan terdapat masalah keciciran dalam menguasai literasi membaca teks bahasa Arab melibatkan MBK dari tahun 2011 sehingga kini dan keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan golongan MBK mengalami masalah dalam membaca teks Al-Quran (Aminuddin Khalit, 2015). Terdapat beberapa faktor menyebabkan berlakunya permasalahan ini seperti guru tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang berkaitan, pedagogi berpusatkan guru, tiada kemudahan sumber khas untuk MBK seperti modul, buku teks; dan bahan pengajaran (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral WP, 2003), prasarana yang tidak kondusif dan sikap pentadbir sekolah yang tidak menyokong kepada pelaksanaan program Pemulihan Pendidikan Khas (Tuzana Mohamad, 2014).

Aktiviti membaca adalah satu proses interaksi antara teks dengan imaginasi seseorang (Yahya Othman, 2008). Penguasaan kemahiran membaca pula merujuk kepada kemampuan sistem saraf seseorang untuk berfungsi dengan sempurna. Sel-sel neuron yang terlibat akan memberi isyarat kepada otak bagi menghasilkan ransangan yang dikesan oleh reseptor deria (Kandel & Schwartz, 1985). Dalam konteks aktiviti membaca untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK), terdapat gangguan dari sel neuron otak yang mengakibatkan ransangan tidak dapat diproses secara lancar. Keadaan ini menunjukkan bahawa kondisi MBK adalah berbeza dengan murid normal yang lain dan kemampuan setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain (Isahak Haron, 2005). Oleh itu, untuk kelangsungan literasi membaca dalam kalangan MBK, pelbagai faktor perlu di ambil kira seperti faktor bidang kepakaran guru, pedagogi guru, bahan pengajaran dan juga sikap pihak pentadbir bagi memastikan tiada masalah keciciran literasi membaca dalam kalangan MBK.

Permasalahan yang berlaku di sekolah, apabila faktor keperluan MBK ini tidak diambil kira dan sistem aliran perdana murid normal digunakan untuk aktiviti MBK. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya keciciran literasi membaca yang serius dalam kalangan MBK di sekolah. Realitinya golongan MBK ini mampu untuk berjaya bersama-sama dengan murid normal lain sekiranya daya intelek golongan MBK ini dirangsang secara maksima dengan sokongan (Aziezatul Nezirah et al., 2019) daripada pelbagai aspek seperti kepakaran tenaga pengajar, prasarana yang disediakan dan juga sumber bahan yang bersesuaian. Selain itu, terdapat ransangan sokongan lain yang membantu proses reseptor berlaku dalam kalangan MBK seperti penggunaan fungsi warna, sensori, audio dan sebagainya.

Terdapat lebih 80 ribu murid-murid sekolah di Malaysia yang masih gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis (Unit Rendah, Bahagian Sekolah, 2006). Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia mengorak langkah untuk melaksanakan beberapa program bagi mengatasi permasalahan yang timbul. Terdapat banyak kajian lepas yang melibatkan isu membaca dalam program Pemulihan Khas seperti isu penguasaan 2M, penguasaan literasi dan numerasi (LINUS), masalah keciciran dan sebagainya dalam konteks berkaitan dengan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu. Kajian literasi teks bahasa Arab telah bermula sejak 1978 dan banyak kajian literasi teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar dijalankan oleh para sarjana di Malaysia (Nur Hidayah & Maharam, 2018). Walaupun begitu, kajian berkaitan dengan literasi membaca teks bahasa Arab yang melibatkan MBK masih terhad dan kurang dijalankan (Aminuddin Khalit, 2015) sedangkan bahasa Arab adalah subjek pilihan dalam kategori bahasa (bahasa Arab, Bahasa Tamil, bahasa Cina, bahasa Kadazandusun dan bahasa Iban) yang terdapat dalam sukatan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Menyedari keadaan ini, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan data yang jelas berkaitan

dengan pandangan, cadangan dan saranan yang melibatkan pihak ibubapa yang mempunyai anak berkeperluan khas dalam pembangunan kerangka literasi teks bahasa Arab MBK berbantuan teknologi augmentasi Realiti bagi murid berkeperluan khas di Malaysia.

Sorotan Literatur

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) dilancarkan pada tahun 2008 dalam usaha kerajaan Malaysia memperkasakan OKU di Malaysia. Akta 685 mendefinikan OKU sebagai ‘mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Antara teras strategi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) adalah memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama. Manakala antara objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ialah pembangunan untuk semua melalui penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Ini menunjukkan kerajaan Malaysia begitu komited dalam memastikan penyertaan inklusif semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa, pendidikan serta keupayaan termasuklah golongan OKU.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merujuk kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK) yang mengalami masalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran. Program ini dibangunkan di sekolah harian biasa yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara pengasingan dan separa inklusif. Ini bermakna program pendidikan khas yang dilaksanakan di Malaysia kini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti Sekolah Pendidikan Khas (SPK), program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Program Inklusif, Program Pemulihan Khas dan Program Bermasalah Pembelajaran Spesifik Disleksia. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK) merujuk kepada kanak-kanak istimewa (luar biasa atau tercabar daripada segi intelek, jasmani, emosi dan sosial) yang mengalami kecacatan, kurang upaya atau ketidaksempurnaan mental atau fizikal (Rashid et al., 2010; Aziezatul Nezirah et al., 2019). Walaubagaimanapun, MBK bukanlah golongan yang tidak berupaya untuk mempelajari atau melakukan sesuatu perkara. MBK adalah golongan yang bermasalah dari segi fizikal, tetapi akal mereka masih boleh digunakan. Begitu juga bagi mereka yang bermasalah dalam pembelajaran, fizikal mereka masih lagi boleh digunakan (Daros et al., 2012). MBK perlu dibimbing agar dapat berfungsi sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan sendiri, boleh menyedari potensi sendiri dan boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas iaitu ke arah kehidupan bermakna (Ghani & Ahmad 2011).

Program Pendidikan Khas di Malaysia menyediakan sesi PdP untuk membantu MBK menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran melalui pendekatan motivasi, bahan-bahan pelajaran dan aktiviti-aktiviti alternatif (Aziezatul Nezirah et al., 2019). Sebagai tenaga pengajar MBK, guru perlu memastikan setiap murid mempunyai ilmu dan kemahiran dalam bidang tertentu. Hal ini bagi memastikan agar MBK dapat menjalani kelas dan kehidupan seharian melalui proses PdP. Oleh itu, guru sewajarnya mempunyai pengetahuan, kemahiran, strategi pengajaran dan kebolehan yang mencukupi untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ragam MBK (Mohamad & Yaacob, 2013).

Kebanyakan sarjana telah menegaskan pentingnya pengesanan ketidakupayaan membaca dalam kalangan MBK (Abdul Rasid, 2011; Fuziati, 2012) agar tidak menjejaskan pembelajaran subjek yang lain. Antara faktor ketidakupayaan membaca dalam kalangan pelajar MBK ialah

keliru dengan bentuk huruf, tidak dapat membunyikan perkataan dengan betul dan lancar, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja, meninggalkan perkataan dalam ayat dan tidak boleh membaca ayat-ayat pendek dengan lancar dan intonasi yang betul (Robiah, 1992). Kajian Fuziati (2012), Abdul Rasid (2011) dan Aleimmah (2011) menunjukkan permasalahan ketidakupayaan pelajar MBK untuk membaca dapat dipertingkatkan melalui perancangan aktiviti pengajaran yang menarik, ceria, selesa dan kondusif. Suasana pembelajaran yang selesa dan dorongan daripada guru dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar dalam mengekalkan momentum pembelajaran. Selain faktor PdP, sikap positif guru juga memainkan peranan penting dalam membantu pelajar bagi meningkatkan pembacaan mereka. Abdul Rasid (2011) dalam kajian beliau menegaskan guru seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap imej pelajar MBK yang memerlukan bantuan pemulihan. Guru tidak seharusnya bersikap diskriminasi (Abdullah, 1986) terhadap MBK dan perlu meletakkan diri mereka sebagai kawan dalam membimbing tetapi masih dihormati sebagai seorang guru (Jais & Mat Nor, 1990).

Bagi membimbing MBK dalam pembacaan, kemahiran-kemahiran asas bacaan perlu diperkukuhkan sebelum mereka diajar membaca secara terus (Abdul Rasid, 2011; Mazni, 2007; Zainora, 2005). Kemahiran asas tersebut termasuklah membunyikan huruf abjad, menghubungkan huruf dengan bunyi suku kata, membunyikan suku kata dalam perkataan dan menggabungkan bunyi-bunyi dalam perkataan. Kemahiran-kemahiran ini memerlukan kaedah dan teknik PdP yang sesuai. Mazni (2007) dalam kajiannya menunjukkan peningkatan prestasi pelajar dalam kemahiran membaca melalui kaedah gabungan bunyi kata dan kaedah fonik yang dibuat secara latih tubi. Manakala Aspalela dan Maslinda (2006) dalam kajiannya menunjukkan kaedah dan teknik latih tubi dapat membantu pelajar menguasai kemahiran membatang suku kata terbuka dan tertutup. Manakala, Zainora (2005) telah membuktikan keberkesanan kaedah latih tubi dengan menggunakan kad suku kata. Hasil kajian menunjukkan peningkatan prestasi pelajar yang lemah dalam kemahiran membaca.

Bagi meningkatkan literasi membaca teks bahasa Arab, para guru harus peka dalam beberapa aspek seperti pemilihan teknik pedagogi (Ahmad et al., 2016; Rosni et al., 2016; Ramli et al., 2019), strategi pengajaran (Linamalini & Kamarul Shukri, 2014), serta bahan bantu mengajar. Kajian literasi membaca teks yang melibatkan bacaan bahasa Arab telah bermula seawal tahun 1978 (Nur Hidayah & Maharam, 2018), namun begitu, belum ada satu formula khusus untuk mengukur tahap literasi membaca teks bahasa Arab (Toeimah & A-IThu'aybi, 2006). Hal ini kerana masih terdapat kelompongan kajian berkaitan pembangunan kerangka literasi membaca teks bahasa Arab. Literasi membaca teks bahasa Arab memerlukan satu kerangka khusus bagi membantu para penyelidik dan guru mengukur sejauhmana literasi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan murid.

Dari aspek teknologi, penggunaan teknologi augmentasi realiti (AR) dalam pembelajaran bahasa kedua telah banyak di jalankan di Malaysia namun masih kurang dalam kalangan MBK khusus untuk subjek bahasa Arab. Nurkhamimi et al. (2016) telah menjalankan satu kajian pengajaran kosa kata bahasa Arab menggunakan kad flash AR. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar bukan penutur jati Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menggunakan teknik 'scaffolding' untuk membantu pelajar yang mempunyai masalah dalam pembelajaran bahasa Arab. Teknik 'scaffolding' menurut Huang et al. (2013) ialah teknik membantu pelajar dalam proses pembelajaran untuk mencapai objektif dan menguasai bidang ilmu yang dipelajari. Terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Nurhazarifah (2016) berkaitan

penggunaan teknologi AR dalam pengajaran bahasa Arab ke atas pelajar tahun 1 sekolah rendah. Kajian ini menunjukkan teknologi AR merupakan satu ciri multimedia “edutainment” yang mampu menarik perhatian murid semasa proses pembelajaran bahasa Arab.

Sorotan literatur di atas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan keupayaan pembacaan MBK. Antara faktor utama ialah guru seharusnya melakukan saringan awal bagi memastikan pelajar yang mempunyai masalah atau MBK. MBK tidak seharusnya diletakkan di dalam kelas arus perdana kerana ia akan mengganggu proses PdP subjek yang lain. Selain itu, dalam melaksanakan proses PdP dalam kalangan MBK, kaedah dan teknik yang sesuai perlu terokai supaya dapat memberi impak yang positif. Disamping itu, suasana PdP yang menarik, ceria, selesa dan kondusif juga merupakan faktor yang menyumbang keberkesanan kaedah dan teknik yang dijalankan. Faktor yang paling utama ialah sikap guru terhadap MBK. Guru seharusnya sentiasa positif dan bersemangat dalam membimbing MBK dan tidak mendiskriminasikan mereka kerana mereka memerlukan bimbingan dan sokongan guru untuk mengekalkan motivasi dan minat mereka untuk belajar. Sorotan literatur juga menunjukkan terdapatnya kelompongan kajian berkaitan dengan pembangunan kerangka literasi membaca teks bahasa Arab khusus untuk MBK. Selain itu, terdapat juga kelompongan dalam kajian berkaitan teknologi AR dalam kalangan MBK khusus untuk subjek bahasa Arab. Oleh itu, fokus kajian ini ialah untuk membangunkan satu kerangka literasi membaca teks bahasa Arab berbantuan teknologi augmentasi realiti dalam kalangan MBK. Kerangka ini memerlukan satu kajian khusus bagi memenuhi kehendak dan keperluan MBK untuk meningkatkan literasi membaca teks bahasa Arab mereka dalam menjalani kelestarian hidup. Kerangka literasi membaca teks bahasa Arab ini akan diintegrasikan dengan teknologi augmentasi realiti bagi menarik minat, perhatian serta motivasi MBK untuk membaca.

Metodologi Kajian

Populasi bagi kajian ini merangkumi ibu bapa yang mempunyai anak di Program Pendidikan Khas (PPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dan Program Inklusif pada peringkat umur 7 hingga 12 tahun. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak kluster (random cluster sampling) bagi pemilihan responden kajian bagi setiap Zon. Lokasi kajian dibahagikan kepada lima zon iaitu Zon Utara, Selatan, Tengah, Barat Sabah dan Sarawak. Bagi Zon Utara dan Tengah penyelidik memilih sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas, manakala Zon Timur dan Selatan penyelidik memilih sekolah yang mempunyai program Pendidikan Khas Intergasi, manakala Sabah dan Sarawak penyelidik memilih sekolah yang mempunyai program inklusif.

Instrumen penyelidikan yang digunakan ialah protokol temu bual separa struktur. Temubual ini merangkumi komponen yang diperlukan dalam membina kerangka literasi membaca teks bahasa Arab berbantuan teknologi AR serta aspek prasarana, kepakaran dan latihan guru; dan bahan bantu mengajar untuk meningkatkan literasi membaca teks bahasa Arab untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK). Kaedah yang dijalankan melalui temu bual separa struktur. Protokol temu bual ini akan diberikan kepada pakar bagi tujuan kesahan muka dan kesahan kandungan. Data kualitatif dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti dan dianalisis menggunakan analisis tematik.

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis data temu bual, dapatan kajian yang diperoleh daripada responden menghasilkan empat tema seperti berikut:

Tema 1: Keperluan Dari Aspek Prasarana

Aspek prasarana memainkan peranan yang penting bagi penyediaan suasana yang kondusif untuk pembelajaran MBK. Ini kerana MBK adalah berbeza dengan murid lain yang berada di arus perdana. Pernyataan ini dapat dilihat dalam temubual melibatkan ibubapa di lima zon kajian yang turut melibatkan tiga program iaitu Program Pendidikan Khas (PPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dan Program Inklusif. Contohnya responden 1 (R1) Zon Utara (Z1)

R1, Z1: Anak-anak ini adalah anugerah dari Allah, mereka berbeza dan istimewa dari anak-anak yang lain. Dalam penyediaan prasarana di sekolah perlu mengambil kira situasi anak-anak ini agar mereka dapat belajar seperti anak-anak normal lain di sekolah...

Penyediaan prasarana yang sesuai juga penting bagi memastikan pembelajaran MBK tidak tercicir seperti dalam pernyataan responden 3 (R3) dari Zon Tengah (Z2):

R3, Z2: MBK adalah sebahagian dari warga negara, mereka mempunyai hak untuk mendapat pendidikan sama rata sebagai salah seorang warga negara. Pihak kerajaan bertanggung jawab menyediakan prasarana yang mencukupi untuk MBK agar pendidikan mereka tidak tercicir.

Pihak kementerian perlu meluaskan penyediaan prasarana untuk tujuan penyediaan pembelajaran MBK tidak hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja seperti pernyataan responden 6 (R6) dari Zon Selatan (Z3):

R6, Z3: Masalah yang ramai ibubapa hadapai ialah tidak ada sekolah yang menyediakan prasarana untuk murid MBK ini. Sekolah yang menyediakan prasarana MBK hanya tertumpu di kawasan tertentu sahaja, sedangkan populasi MBK ini tidak terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Prasarana yang disediakan oleh pihak kementerian/sekolah untuk MBK dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada ibubapa bagi menghantar anak-anak MBK mereka ke sekolah, seperti yang dinyatakan oleh responden 12 (R12), Zon Sabah (Z4).

R12, Z4: Dengan adanya sekolah-sekolah untuk MBK ini, ibubapa lebih yakin untuk menghantar anak-anak mereka yang mengalami masalah berkeperluan khas dalam pembelajaran. Ibubapa sedar bahawa MBK adalah tidak sama dengan anak-anak normal yang lain, sekiranya MBK ini belajar dalam arus perdana biasa, boleh menyebabkan tekanan kepada MBK dan inilah antara kerisauan para ibubapa.

Prasarana yang disediakan oleh pihak kementerian adalah prasarana fizikal sekolah dan kelas yang sesuai dengan keperluan MBK. Walaupun begitu ia tidak bermaksud perlu kepada pengasingan yang ketara antara MBK dan murid normal dalam sistem persekolah. Masing-masing mempunyai positif dan negatif. Oleh itu timbang tara yang sesuai perlu dilakukan seperti yang dinyatakan oleh responden 24 (R24) Zon Sarawak (Z5):

R24, Z5: *Prasarana fizikal kelas memang perlu disediakan khas untuk MBK ini. Walaupun begitu tidak bermaksud MBK perlu diasingkan terus dari arus perdana sekolah. Sekiranya pengasingan ini berlaku ia turut memberi kesan negatif kepada MBK. Biarkan mereka bersekolah bersama-sama kawan-kawan mereka di arus perdana, biarkan ada pergaulan antara MBK dan murid normal yang lain. Yang perlu diasingkan adalah kelas mereka. MBK perlu diletakkan dalam kelas khas supaya mereka dapat menguasai apa yang diajar.*

Tema 2: Kepakaran dan Latihan Guru

Faktor kepakaran dan latihan guru adalah sangat penting. Dua bidang yang perlu digabungkan secara serentak dalam kajian ini ialah bidang pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan MBK dan bidang literasi membaca bahasa Arab. Isu ini yang sering dipersoalkan oleh ibubapa kerana kebanyakan guru yang mengajar MBK adalah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak tetapi tidak menguasai bidang literasi membaca bahasa Arab dan sebaliknya. Perkara ini yang dinyatakan oleh responden 4 (R4) dari Zon Utara (Z1) dan responden 27 (R27) dari Zon Tengah (Z2):

R4, Z1: *Guru-guru yang mengajar MBK terdiri daripada guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Tetapi sukar untuk dapatkan guru yang mempunyai ikhtisas pendidikan awal kanak-kanak dan literasi bahasa Arab secara serentak.*

R27, Z2: *Kadang-kadang ada guru yang boleh mengajar literasi bahasa Arab, tetapi tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak pula. Kedua-dua bidang ini adalah berbeza.*

Perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah cara untuk menguruskan aktiviti MBK di dalam kelas. Bidang utama adalah kepakaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, manakala bidang literasi membaca bahasa Arab boleh ditingkatkan penguasaannya dari masa ke semasa dengan menghadiri latihan atau bengkel yang disediakan oleh pihak kementerian seperti yang dinyatakan oleh responden 9 (R9) dari Zon Selatan (Z3):

R9, Z3: *Kepakaran utama adalah bidang pendidikan awal kanak-kanak, kerana ia berkait langsung dengan MBK. Manakala bidang literasi membaca bahasa Arab boleh dikuasai oleh guru dari masa ke sama dengan menghadiri mana-mana bengkel yang disediakan oleh pihak kementerian. Lagi pula literasi membaca ini bersifat umum dan perkara asas yang didedahkan kepada murid.*

Menyangkal pernyataan sebelum ini, responden 17 (R17) dari Zon Selatan (Z3) pula berpendapat bahawa bidang literasi membaca bahasa Arab ini perlu diberi keutamaan berbanding bidang pendidikan awal kanak-kanak. Situasi ini yang banyak berlaku sekarang, guru yang tidak mempunyai kepakaran literasi membaca bahasa Arab mengajarkannya dan menyebabkan MBK tidak dapat menguasai literasi membaca bahasa Arab dengan baik. Ini kerana guru tersebut tidak menguasai kandungan literasi membaca bahasa Arab dan kaedah pengajaran yang sesuai.

R17, Z3: *Isunya apabila guru yang bukan dalam bidang literasi membaca bahasa Arab diarahkan untuk mengajar literasi membaca bahasa Arab disebabkan guru-guru ini mempunyai kepakaran dalam bidang Pendidikan awal kanak-kanak. Apa yang berlaku*

seterusnya, MBK tidak dapat menguasai literasi membaca dengan baik dan akhirnya menyebabkan mereka terus tercicir. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius.

Selain itu, para guru sedia ada perlu ditingkatkan pengetahuan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan MBK dan juga bidang literasi bahasa Arab. Guru-guru ini perlu bersedia untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan menghadiri kursus-kursus dan bengkel-bengkel berkaitan. Perkara ini dinyatakan oleh responden 5 (R5) dari Zon Sabah (Z4) dan responden 8 (R8) dari Zon Sarawak (Z5):

R5, Z4: Guru-guru boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sama ada dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak berkaitan dengan MBK atau dalam bidang literasi membaca bahasa Arab melalui kursus-kursus yang disediakan oleh pihak Kementerian atau swasta. Banyak perkara baharu yang perlu dikuasi terutama dalam dunia hari ini.

R8, Z5: Guru perlu ada inisiatif sendiri untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri. Tidak hanya menunggu arahan yang dikeluarkan oleh pihak atasan. Dengan kemajuan teknologi dan maklumat berada diujung jari, banyak maklumat boleh diperolehi dengan mudah.

Tema 3: Bahan Bantu Mengajar (BBM)

BBM memainkan peranan yang penting dalam aktiviti pengajaran literasi membaca bahasa Arab dalam kalangan MBK. Menurut responden 4 (R4), Zon Utara (Z1), BBM yang disediakan perlu mengambil kira keadaan sedia ada MBK agar penggunaannya dapat dilakukan secara efektif:

R4, Z1: BBM yang digunakan oleh guru ketika aktiviti pengajaran literasi membaca bahasa Arab untuk MBK perlu mengambil kira aspek kesesuaian MBK. Penggunaan BBM ini perlu menarik agar dapat merancang kognitif MBK untuk belajar literasi membaca bahasa Arab.

Selain itu, BBM yang disediakan ini perlu bersifat mudah untuk diuruskan, Gabungan elemen warna dan gambar akan dapat merangsang domain kognitif dan afektif MBK untuk bersama-sama mengikuti aktiviti membaca literasi membaca bahasa Arab. Perkara ini dinyatakan oleh responden 9 (R9) dari Zon Tengah (Z2) dan responden 10 (R10) dari Zon Selatan (Z3):

R9, Z2: BBM yang disediakan perlu berkesan penggunaannya untuk membantu MBK menguasai literasi membaca bahasa Arab. BBM ini juga perlu bersifat praktikal dan mudah untuk diuruskan. Dengan kreativiti dari guru, BBM yang kreatif dan berinovasi dapat dihasilkan.

R10, Z3: BBM untuk kegunaan MBK ini perlu menggabungkan elemen gambar, warna dan suara yang menarik. Ketiga-tiga elemen ini dapat merangsang otak dan minat MBK bagi mengikuti aktiviti literasi membaca bahasa Arab.

BBM yang digunakan juga dicadangkan dapat juga digunakan oleh ibubapa ketika berada di rumah. Ia adalah penting sebagai langkah alternatif yang berterusan antara pengajaran di sekolah dan juga di rumah. Ia dinyatakan oleh responden 12 (R12) Zon Sabah (Z4):

R12, Z4: *Ibubapa juga perlu didedahkan dengan BBM literasi membaca bahasa Arab dalam kalangan MBK. Kalau ada peluang BBM ini juga dapat digunakan oleh ibubapa ketika di rumah bagi menyokong aktiviti literasi membaca bahasa Arab bagi murid MBK ketika berada di rumah.*

Bagi meningkatkan keberkesanan BBM dalam aktiviti pengajaran literasi membaca bahasa Arab untuk MBK, elemen teknologi juga boleh diintegrasikan dalam BBM tersebut. Responden 6 (R6) dari Zon Sarawak (Z5) berpendapat bahawa elemen teknologi sangat penting untuk dimasukkan dalam BBM ini.

R6, Z5: *BBM ini perlu juga dimasukkan dengan elemen teknologi. Penggunaan teknologi akan dapat menarik minat MBK dalam aktiviti pengajaran literasi membaca bahasa Arab.*

Tema 4: Kesesuaian Teknologi Augmentasi (AR)

Teknologi augmentasi adalah antara teknologi masa kini yang banyak digunakan dan tidak hanya sekadar dalam bidang pendidikan, bahkan meliputi bidang-bidang lain seperti perubatan, keusahawanan dan lain-lain lagi. Mengambil kira perkembangan teknologi augmentasi yang semakin rancak digunakan dalam dunia pendidikan dan keberkesanan penggunaan teknologi augmentasi ini, elemen ini turut digunakan dalam aktiviti literasi membaca bahasa Arab untuk MBK. Teknologi augmentasi ini digunakan sebagai unsur dalam BBM yang merangkumi aspek gambar, suara dan animasi – responden 12 (R12), Zon Utara (Z1):

R12, Z1: *Dengan meletakkan teknologi augmentasi dalam BBM yang digunakan, aktiviti literasi membaca bahasa Arab akan menjadi lebih menarik. Penggunaan unsur gambar, suara dan animasi yang sesuai yang dipadankan dengan teknologi augmentasi sekali gus dapat menjadikan aktiviti literasi membaca bahasa Arab lebih berkesan dan menarik.*

Selain itu, deria visual dan sensori MBK dapat dirangsangkan dengan penggunaan teknologi augmentasi dalam aktiviti literasi membaca bahasa Arab. Sebagai ibubapa mereka menyedari keperluan kepada penggunaan bahan sokongan seperti teknologi augmentasi bagi membantu merangsang deria visual dan sensori MBK- responden 10 (R10), Zon Tengah (Z2):

R10, Z2: *Bahan-bahan sokongan lain seperti penggunaan teknologi augmentasi amat diperlukan bagi merangsang deria visual dan sensori MBK. Ada ketikanya penggunaan bahan maujud sedia ada amat terhad bagi menarik minat MBK untuk mengikuti aktiviti literasi membaca bahasa Arab. Dunia hari ini yang penuh dengan penggunaan teknologi dapat membantu aktiviti pembelajaran MBK.*

Selain itu, walaupun pembangunan BBM yang berkonsepkan teknologi augmentasi memerlukan kepada kepakaran, tetapi ia jelas dapat digunakan tidak hanya ketika berada di sekolah sahaja, tetapi dapat diluaskan penggunaannya dalam kalangan MBK ketika tidak berada di sekolah – responden 11 (R11), Zon Selatan (Z3):

R11, Z3: *Zaman kita dahulu, teknologi seperti ini tiada dan penggunaan BBM terhad kepada bahan maujud sahaja. teknologi augmentasi adalah sebahagian daripada perkembangan teknologi masa kini yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya termasuklah dalam dunia pendidikan MBK. BBM yang dibangunkan dengan berasaskan teknologi augmentasi lebih*

menarik sekiranya turut dapat digunakan oleh MBK tidak hanya di sekolah sahaja, tetapi ibubapa dapat dilibatkan juga ketika berada di rumah.

Penutup

Kajian analisis keperluan ini adalah penting kepada penyelidik dalam penyediaan elemen-elemen yang diperlukan untuk pembangunan kerangka literasi membaca bahasa Arab MBK dengan berbantuan teknologi augmentasi. Analisis keperluan ini dilakukan kepada ibubapa kerana ibubapa adalah individu yang dekat dan terlibat secara lansung dengan MBK. Maklumat, cadangan dan saranan dari ibubapa diperlukan bagi memastikan kesesuaian kerangka ini untuk MBK dalam menyediakan satu kerangka membaca literasi bahasa Arab untuk MBK dengan berbantuan teknologi augmentasi dan menyelesaikan masalah yang timbul.

Dalam konteks analisis keperluan ini, ibubapa bersetuju bahawa kepentingan pembangunan kerangka literasi membaca bahasa Arab untuk MBK dengan berbantuan teknologi augmentasi. Untuk tujuan pembangunan kerangka literasi ini, 4 perkara yang perlu diberi perhatian dan tumpuan iaitu:

- keperluan dari aspek prasarana
- kepakaran dan latihan guru
- bahan bantu mengajar
- kesesuaian teknologi augmentasi

Menurut Gagne et al. (2005), fasa analisis yang dilakukan dalam sesuatu kajian dapat membantu menyelesaikan beberapa punca permasalahan berkaitan dengan masalah pengajaran dan dapat dikenal pasti. Setelah fasa analisis keperluan yang melibatkan ibubapa ini selesai, analisis keperluan juga akan dilakukan terhadap guru dan pakar dalam bidang berkaitan. Ia adalah penting bagi memastikan kerangka literasi membaca bahasa Arab untuk MBK dengan berbantuan teknologi augmentasi yang dibangunkan adalah lengkap dan merangkumi semua aspek yang diperlukan.

Penghargaan

This research has been carried out under fundamental research grant scheme (FRGS2020-0247-107-029FRGS/1/2020/SS10/UPSI/02/46) provided by Ministry of Higher Education Malaysia. The authors would like to extend their gratitude to Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) that helped managed the grants.

Rujukan

- Abdul Rasid, J. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-12.
- Abdullah, M. N. (1986). Apa yang dibuat Kepada Murid-Murid Sekolah yang Lambam. In S. Ibrahim, *Isu Pendidikan Malaysia*, (pp. 361-371). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, I. e. (2016). Pelaksanaan Kemahiran Menulis dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. *Tinta dalam Pengajaran Membina Ummah*, 55-62.
- Aleimmah, M. Y. (2011). Modul Program Intervensi Bahasa Melayu SMK Sg. Rambai Melaka.

- Aminuddin Khalit. (2015). Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata Terhadap Literasi Awal Al-Quran Dalam Kalangan Murid-Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Tanjung Malim: Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aspalela, R. & Maslinda, M. (2006). Meningkatkan Kemahiran Murid Membaca Ayat-Ayat yang Mengandungi Perkataan Gabungan Dua Suku Kata terbuka dan Tertutup. *Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor*, 1-8.
- Aziezatul Nezirah, A., Mohamed Nor Azhari, A., Tee, T. Z., & Moh, K. (2019). Keberkesanan Alat Bantu Mengajar (SMART COT) dalam Asas Pembuatan Perabot Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Pendidikan Khas Tingkatan Satu. *Journal of Vocational Education Studies*, 2(1), 23-36.
- Daros, M. M., Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran dari Sekolah ke Kerjaya. *Journal of Social Science*, 5(1), 42-46.
- Fuziati, M. (2012). Kajian Tindakan Meningkatkan Penguasaan Membaca Murid Tahun Satu (LINUS) Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata dengan Teknik Latih. Kelantan: SK Sri Suria 2.
- Ghani, M. Z. & Ahmad, A. C. (2011). Pengantar Pendidikan Khas. Pulau Pinang: USM.
- Huang, P. (2013). An Exploration of EFL learner's Anxiety and E-Learning Environment. *Journal of Language Teaching and research*, 4(1), 27 - 35.
- Isahak Haron. (2005). Kaedah Mengajar Literasi (Awal Membaca dan Menulis) Bahasa Melayu dengan tumpuan kepada Kaedah Gabungan Bunyi-Kata KGBK. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jais, S. & Mat Nor, H. (1990). Pendidikan Pemulihan. Petaling Jaya: Masa Enterprise.
- Kandel, Eric R. dan James H. Schwartz. (1985). *Principles of Neural Science*. 2nd ed. Netherlands: Elsevier Science Publishing.
- Linamalini, M. N. & Kamarul Shukri, M. T. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Satu Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Kelantan. Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. UKM & UniSZA.
- Mazni, O. (2007). Program Peningkatan kemahiran Membaca SK Kaya, Setiawan, Perak. Kertas Kerja yang Tidak Diterbitkan.
- Nur Hidayah, H. & Maharam, M. (2018). Tahap Kebolehbacaan Teks Bahasa Arab at-Taisir dalam Kalangan Murid Tahap 2 di Sekolah Rendah Islam (Sri) al-Amin, Nilai: Satu Kajian Awal. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 67-84.
- Nurhazarifah, K. (2016). Aplikasi Mudah Alih Augmentasi Realiti (AR) bagi Pendidikan Awal Bahasa Arab Berdasarkan Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu. 7th Exposition on Islamic Innovation (i-INOVA). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurkhamimi, Z., Muhammad Sabri, S. & Mohammad Najib, J. (2016). Scaffolding a Conceptual Support for Personalized Arabic Vocabulary Learning Using Augmented Reality (AR) Enhanced Flashcards. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 95-103.
- Ramli, S. Abdul Ghani, M, T. Atoh, N, Muhammad Romli, T.R. (2019). Intergrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 33-44.
- Rashid, N. A., Boon, P. Y., & Wong, K. W. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor: Oxford Fajar.
- Robiah, K. H. (1988). Fungsi dan Masalah Guru Khas Pemulihan di Dua Buah Sekolah Rendah di Selangor. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan: Universiti Malaya.

- Rosni, S., Fariza, P. -B., Noor Saazai, M. S., Suriani, M. A., Ramiaida, D., & Haliza, H. (2016). Effective Methods in Learning Arabic Language as a Foreign Language. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349-355.
- Toeimah, R. A. & A-IThu'aybi, M. A. (2006). *Ta'lim Al-Qira'ah Wa Al-Adab: Istiratijiyyah Mukhtalifah Li Jumhur Mutnawwic*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-Carabi.
- Tuzana Mohamad. (2014). *Keberkesanan Modul Bacaan Bergred Bagi Membantu Murid Linus Tegar Dalam Kemahiran Membaca KVKV*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Undang-undang Malaysia (Versi Atas Talian Teks Cetakan Semula Dikemas Kini). 2008. *Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)*. Diakses pada 02 Februari 2020 <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta.pdf>
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan Strategi membaca berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainora, M. (2005). *Meningkatkan Kemahiran Membaca Tahun 5 Melalui Latih Tubi Bacaan Menggunakan Kad Suku Kata*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPPBA.